

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Dikemas kini: Julai 2025

WESLEYAN EDUCATION SERVICES SDN BHD (2001 01 005044), yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjalankan operasi kampus induknya sebagai **Kolej Methodist Kuala Lumpur** dan operasi kampus cawangannya sebagai **Kolej MCKL (Pulau Pinang)** (selepas ini dirujuk sebagai “**MCKL**”), komited untuk memproses dan melindungi data peribadi anda dengan bertanggungjawab. Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi ini untuk memahami bagaimana kami memproses data peribadi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”).

Semasa anda berurusan dengan MCKL, data peribadi anda akan dikumpul dan diproses oleh kami. Anda memahami bahawa apabila data peribadi anda dikongsikan kepada MCKL dan/atau anda menyatakan persetujuan kepada polisi perlindungan data peribadi kami, anda telah memberikan keizinan kepada MCKL untuk memproses data peribadi anda. Apabila anda menzahirkan data berkaitan individu lain (seperti ibu-bapa, penaja, dan lain-lain), anda juga menjamin bahawa anda mempunyai kuasa untuk berkongsi maklumat tersebut kepada kami. Jika anda berumur di bawah 18 tahun, data peribadi dan persetujuan anda adalah diperoleh melalui ibu bapa atau penjaga sah anda.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin akan mengemaskini atau meminda polisi perlindungan data peribadi kami selaras dengan keperluan undang-undang, peraturan dan/atau institusi. Sebarang pindaan atau perubahan akan dimaklumkan melalui laman web ini dan/atau saluran komunikasi dalaman MCKL.

1. Apakah jenis data peribadi yang dikumpulkan oleh MCKL?

MCKL mengumpul data peribadi yang secara munasabah diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan atau urus niaga dengan kami, bagi tujuan pentadbiran, aktiviti kampus dan/atau seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkaitan. Data peribadi yang diproses oleh kami termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat berikut: -

- Data Umum: Nama, maklumat pengenalan (kad pengenalan/pasport), tarikh lahir, jantina, kewarganegaraan, bangsa, maklumat visa, alamat (kediaman & elektronik), nombor telefon, talian kecemasan;
- Kewangan: Maklumat bank dan kad kredit, nombor pengenalan cukai;
- Data peribadi sensitif: Maklumat kesihatan fizikal atau mental, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, rekod kesalahan, data biometrik;
- Akademik: Rekod akademik, keputusan peperiksaan, rekod tatatertib, anugerah dan pencapaian lain;
- Imej & rakaman: Gambar, imej digital, rakaman video/audio, rakaman keselamatan/CCTV;
- Teknologi: Data daripada platform, sistem dan/atau peralatan teknologi MCKL seperti log kehadiran, log akses internet, pengimbas, kuki internet, dan sistem institusi lain;
- Lain-lain: Maklumat-maklumat lain yang anda kemukakan kepada kami dari semasa ke semasa dan/atau seperti yang dikehendaki menurut undang-undang.

Anda berhak untuk memutuskan maklumat yang anda ingin berikan kepada kami. Sila ambil maklum bahawa kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda, menyediakan perkhidmatan kepada anda, dan/atau menguruskan kontrak/urus niaga dengan anda sekiranya anda memilih

untuk tidak memberikan data yang diminta, atau sekiranya data peribadi yang anda berikan adalah tidak lengkap atau tidak tepat.

2. Apakah sumber data peribadi MCKL?

Kebanyakan data peribadi anda yang diproses adalah yang diberikan oleh anda sendiri atau diperolehi daripada sumber yang dibenarkan oleh anda, termasuk: -

- Borang pendaftaran/permohonan yang dikemukakan oleh anda atau ibu-bapa/penjaga yang sah, atau ejen pengambilan pelajar untuk pendaftaran program, biasiswa/bantuan kewangan, akses perpustakaan, penempatan latihan industri/ universiti;
- Pameran pendidikan, lawatan sekolah, laman web/laman mikro MCKL, platform media sosial, aktiviti atau kempen pemasaran, acara, seminar, forum awam, kem, tender projek, kad perniagaan, atau platform media elektronik/fizikal yang lain;
- Institusi atau badan pakatan, ejen pemasaran atau pengambilan, rakan perniagaan, pihak ketiga yang dibenarkan;
- Sumber lain di mana anda telah memberikan keizinan untuk menzahirkan data berkaitan anda seperti rujukan peribadi, penaja, institusi kewangan, pengamal perubatan, kaunselor;
- Sumber yang tersedia secara umum atau sah menurut undang-undang.

3. Mengapa MCKL mengumpul dan memproses data peribadi anda?

Tujuan utama kami mengumpul data peribadi anda adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang telah dipersetujui, atau untuk melaksanakan urusan niaga dengan anda, atau seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa. Antara tujuan khusus (tidak menyeluruh) termasuk: -

- Untuk mengurus pendaftaran anda, memproses permohonan biasiswa atau bantuan kewangan, membolehkan penyampaian perkhidmatan pendidikan dan akademik kami, serta mengurus perkembangan dan pencapaian akademik anda;
- Untuk berurusan dengan rakan kerjasama, lembaga peperiksaan dan pihak berkuasa (tempatan dan antarabangsa) berkaitan pelaksanaan program dan peperiksaan;
- Untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti bantuan keperluan kediaman, permohonan visa, kemudahan komputer dan internet, akses perpustakaan, penempatan latihan industri atau universiti;
- Untuk berkomunikasi dengan anda mengenai hal-hal akademik dan pentadbiran, yuran pengajian dan bayaran lain, keputusan akademik, aduan, pengumuman, serta acara akan datang;
- Untuk aktiviti berkaitan pemasaran termasuk acara yang akan datang, siaran di laman web dan media sosial, serta penerbitan bercetak;
- Untuk tujuan analisis statistik, pengurusan rekod am, serta inisiatif keselamatan di kampus (secara fizikal dan atas talian);
- Untuk tujuan pelaporan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak berkuasa yang berkenaan;
- Untuk mematuhi obligasi atau keperluan undang-undang, peraturan dan/atau audit.

4. Adakah MCKL menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga?

Persetujuan anda kepada MCKL merangkumi kebenaran untuk menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau urusan niaga antara pihak kami, atau bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 3 di atas, atau sekiranya terdapat asas yang sah atau dikehendaki menurut undang-undang. Kategori pihak ketiga (dalam dan luar Malaysia)

yang mungkin menerima penzahiran data peribadi anda adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -

- Badan akademik, profesional, peperiksaan, agensi kawal selia atau badan akreditasi atau institusi yang berkaitan mengikut pendaftaran program atau keperluan kursus anda seperti CAIE, SCASA, SQA, ACCA, penempatan latihan industri, insitutsi bagi pertukaran atau pelanjutan program pengajian anda;
- Pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga yang dilantik oleh MCKL bagi menyokong urusan niaga dan perkhidmatan seperti pihak insurans, juruaudit, peguam, penyedia tempat, penganjur persidangan/latihan/acara, agensi pelancongan, pembekal sistem;
- Pihak yang menyokong pengajian anda melalui bantuan kewangan atau bentuk bantuan lain, dan/atau di mana kami telah menerima kebenaran bertulis daripada anda seperti ibu bapa, penjaga, penaja biasiswa, rakan industri/perniagaan;
- Badan atau entiti yang berkaitan atau bersekutu dengan MCKL seperti Methodist Council of Education;
- Badan kawal selia, agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa tempatan, kedutaan yang berkaitan, badan kerajaan, atau apabila dikehendaki di bawah instrumen berkanun dan perundangan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, kedutaan luar negara, mahkamah;
- Sekiranya MCKL mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa penzahiran adalah perlu bagi mencegah atau mengurangkan ancaman keselamatan terhadap mana-mana individu.

Sekiranya data peribadi anda dizahirkan, kami akan mengehadkan penzahiran tersebut kepada setakat yang perlu bagi memenuhi tujuan tersebut. Kami juga akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa pihak ketiga turut tertakluk kepada obligasi dan/atau undang-undang perlindungan data peribadi yang setara. Kami tidak menjual data peribadi kepada pihak-pihak lain dalam apa jua keadaan.

5. Bagaimanakah MCKL melindungi data peribadi anda?

MCKL melaksanakan langkah perlindungan fizikal, teknikal dan prosedur untuk melindungi data peribadi dalam milikannya daripada akses, penggunaan, pengubahan, kehilangan dan pendedahan yang tidak disengajakan atau dibenarkan. Data peribadi yang berada di bawah milikan kami hanya boleh diakses oleh individu yang memerlukan akses tersebut untuk melaksanakan tugas mereka dan/atau perkhidmatan MCKL kepada anda. Langkah-langkah pencegahan diambil bagi memastikan bahawa kawalan keselamatan dan akses yang mencukupi dilaksanakan ke atas mana-mana proses atau sistem yang digunakan oleh kami bagi mengurangkan risiko pelanggaran data.

6. Berapa lamanya MCKL menyimpan data peribadi anda?

Data peribadi anda akan disimpan selama mana ia diperlukan bagi tujuan yang dinyatakan di atas dan/atau untuk memenuhi perkhidmatan/urusan niaga dengan anda. Bagi tujuan institusi yang sah, sebahagian data anda yang telah disunting akan disimpan tanpa had tempoh sebagai rekod akademik/institusi. Data peribadi lain akan dipadamkan mengikut polisi pelupusan data kami.

7. Apakah hak anda terhadap data peribadi anda?

Di bawah PDPA, anda mempunyai hak-hak tertentu berhubung data peribadi anda termasuk: -

- Hak untuk menghalang pemprosesan bagi tujuan pemasaran: Sekiranya anda tidak mahu menerima sebarang kandungan promosi pemasaran daripada MCKL, anda berhak meminta kami menghentikan komunikasi tersebut.

- Hak untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda: Anda berhak meminta akses yang munasabah terhadap data peribadi anda bagi tujuan pembetulan dan pengemaskinian maklumat yang disimpan oleh kami. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa data peribadi yang diproses oleh kami adalah betul, tepat dan lengkap.
- Hak untuk mengehentikan pemprosesan data peribadi atau menarik balik kebenaran: Anda berhak meminta kami menghentikan sementara atau secara kekal atau mengehentikan aktiviti pemprosesan data peribadi anda sekiranya ia menyebabkan gangguan atau kemudaratan. Anda juga berhak menarik balik persetujuan anda melalui notis bertulis. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa tindakan ini mungkin menyebabkan kami tidak dapat meneruskan lagi perkhidmatan atau urusan niaga dengan anda.

8. Bagaimanakah anda boleh menghubungi MCKL mengenai data peribadi anda?

Sekiranya anda ingin melaksanakan mana-mana hak atau mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan data peribadi anda, sila lengkapkan **BORANG PERMOHONAN DATA PERIBADI** dan emelkan kepada Pendaftar MCKL seperti berikut: -

- Pendaftar: En. Francis Ng Wing Wah
- Emel: registrar@mckl.edu.my
- Nombor Telefon: +(603) 2274-1851

Bagi tujuan keselamatan, kami berhak untuk mendapatkan pengesahan identiti anda sebelum mengambil sebarang tindakan ke atas permohonan yang dikemukakan. Sila ambil maklum bahawa PDPA membenarkan caj dikenakan atas permohonan akses data. Kami juga berhak untuk menolak permohonan anda berdasarkan alasan yang sah di bawah PDPA.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksesuaian antara Notis versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan dan diguna pakai.